

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**  
**[JELI]**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 1**

**Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [ JELI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peruntukan tahunan disediakan Kerajaan untuk menyelenggara aset Kerajaan seperti jalan raya, sekolah, hospital, rumah kos rendah di seluruh negara dari 2015 hingga 2019 dan apakah Kerajaan bercadang memberi keutamaan lebih tinggi bagi menyelenggara aset-aset ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan penyelenggaraan yang sebahagian besarnya merangkumi pelbagai keperluan penyelenggaraan dan pembaikan termasuk menyelenggara aset Kerajaan seperti jalan raya, sekolah, hospital, dan rumah kos rendah di seluruh negara.

Berikut merupakan peruntukan mengurus yang disediakan bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan dari tahun 2015 hingga 2019:-

<b>PERKARA</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
	<b>RM(JUTA)</b>				
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	9,296	7,862	7,185	7,486	6,234
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	670	333	361	174	94
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	33	24	8	28	16
<b>JUMLAH</b>	<b>9,999</b>	<b>8,219</b>	<b>7,554</b>	<b>7,688</b>	<b>6,344</b>

Kita memfokuskan kepada pembinaan baharu tanpa menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk penyelenggaraan aset sedia ada yang menyebabkan aset-aset Kerajaan berada dalam keadaan yang teruk dan uzur. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan tetap komited untuk memberi penumpuan dalam aspek penyelenggaraan dan pembaikan melalui dasar 3R iaitu Pembaikan, Penggantian dan Pemulihan (*Repair, Replace and Restore*). Sehubungan dengan ini, peruntukan Perbelanjaan Mengurus untuk membaiki dan menyelenggara aset awam sedia ada ditingkatkan kepada RM10.57 bilion pada tahun 2020 berbanding RM6.34 bilion pada tahun 2019.